

16/02/1998

Projek tebusguna laut `dilambatkan'

ALOR STAR, Ahad - Projek menebusguna laut sepanjang 100 kilometer pantai Kedah untuk pelbagai program pembangunan terpaksa `dilambatkan' berikutan kegawatan ekonomi negara.

Selain itu, tiga syarikat yang diberikan pakej melaksanakan projek berkenaan tidak dibenarkan menggunakan bahan import bertujuan mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata syarikat terbabit, Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd (Samudera), SKS Venture Sdn Bhd (SKS Venture) dan Sayak Beach Country Resort (Sayak Beach) juga diberikan pilihan melaksanakannya mengikut jadual dan kemampuan masing-masing.

"Memandang keadaan ekonomi semasa, projek mega berkenaan dilambatkan dan bahan untuk kerja menambak laut tidak boleh diimport," katanya ketika berucap pada majlis penganugerahan darjah kebesaran sempena ulang tahun keputeraan Sultan Kedah ke-70, di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco); Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan penerima anugerah terbabit.

Pada Mei 1997, Sanusi mengumumkan kerajaan negeri meluluskan tiga pakej daripada keseluruhan projek menebusguna laut dari pantai Kuala Sanglang di sempadan Kedah-Perlis hingga Kuala Muda di sempadan Kedah-Pulau Pinang.

Pakej di Kuala Muda diberikan kepada ketiga-tiga syarikat berkenaan.

Samudera diberikan projek menambak laut bernilai RM10 bilion di kawasan seluas 6,300 hektar berhampiran Kuala Muda bagi memajukan cadangan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA).

SKS pula diberikan pakej menambak laut bagi pembinaan pelabuhan laut dalam di Pulau Bunting, manakala Sayak Beach diberikan kawasan seluas 1,000 hektar untuk pembinaan perumahan di tepi pantai.

(END)